

06 OCT 2000

Mahathir-Umno

UMNO PERLU DISUSUN SEMULA UNTUK GENERASI MUDA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Umno perlu disusun semula untuk menawan sokongan generasi muda.

"Kita perlu ada golongan muda menyokong parti, dan selepas parti diperkukuhkan, saya rasa saya boleh tinggalkannya," kata beliau dalam temubual dengan akhbar Financial Times pada Khamis di London.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata demikian apabila ditanya mengenai tugas-tugas politik yang beliau perlu siapkan sebelum bersara.

Pada 11 Sept lalu Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat majlis tertinggi parti telah menyatakan hasratnya untuk memberi lebih banyak tumpuan kepada hal-hal parti berbanding hal-hal kerajaan.

Mesyuarat itu telah membincangkan dengan mendalam proses pembaharuan dalam Umno untuk membolehkan generasi muda menyertai parti dan kempimpinannya.

Dr Mahathir berkata, negara berada pada laluan yang betul dan kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang.

"Kebanyakan daripada rancangan kita sangat berjaya. Kami rasa kami tahu arah yang kami sedang menuju...", katanya.

Ditanya mengenai perpecahan di kalangan orang Melayu, Dr Mahathir berkata ini telah berlarutan sejak tiga dekad lepas dan Umno agak lambat dalam memahami apa yang dilakukan oleh PAS.

Beliau berkata PAS menanam kebencian terhadap kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya sehinggakan di peringkat murid tadika.

Rasa benci terhadap kerajaan kini begitu banyak sehinggakan satu kumpulan baru-baru ini sanggup cuba menggulingkan kerajaan menggunakan kekerasan.

"Tetapi mereka telah ditangkap. Mereka dihadapkan ke mahkamah."

"Tetapi di kalangan pengikut pembangkang, kebencian terhadap kerajaan itu yang menyebabkan kesukaran bagi kita. Mereka tidak mahu langsung dengar kepada kita," kata beliau.

Ditanya sama ada wajar beliau meninggalkan parti jika masalah itu bertambah buruk, beliau berkata: "Saya akan cuba selesaikannya sebelum saya berundur".

"Adalah menghairankan yang pada mulanya bukan Melayu tidak suka dengan saya dan mereka tidak percaya dengan saya.

"Kini saya dapati mereka sukakan saya, mereka menyokong saya, tetapi orang saya sendiri tidak percaya dengan saya, tetapi saya rasa ia boleh diatasi dengan peralihan masa," katanya.

Dr Mahathir berkata, masalah itu tidak boleh diatasi dengan sepenuhnya tetapi terdapat ramai orang Melayu yang rasional dan masih menyokong kuat kerajaan.

-- BERNAMA

AZZ AZZ PR

]